



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

**TAMBAHAN KEDUA KEPADA
KETETAPAN UMUM NO.2/2004**

MANFAAT BERUPA BARANGAN

**TAMBAHAN KEDUA KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 2/2004**

TARIKH KELUARAN: 17 JANUARI 2006



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**TAMBAHAN KEDUA KEPADA
KETETAPAN UMUM NO.2/2004
MANFAAT BERUPA BARANGAN**

Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**



TAMBAHAN KEDUA KEPADA KETETAPAN UMUM NO.2/2004 MANFAAT BERUPA BARANGAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006

TAMBAHAN KEDUA KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 2/2004: MANFAAT BERUPA BARANGAN

1. LHDN telah terima beberapa pertanyaan daripada majikan berkaitan pemakaian subperenggan 4.4 (i) Ketetapan Umum No. 2/2004 berhubung dengan manfaat berupa barangan ke atas "barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan pada harga diskaun".
2. Tujuan Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No. 2/2004 ini adalah untuk menerangkan keadaan di bawah mana barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan pada harga diskaun layak mendapat konsesi pentadbiran dan dianggap sebagai manfaat berupa barangan yang tidak dikenakan cukai.
3. Adalah dimaksudkan bahawa:
 - 3.1 Manfaat berupa barangan yang diklasifikasikan di bawah kategori ini dan dianggap sebagai tidak dikenakan cukai seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 4.4 (i) Ketetapan Umum No. 2/2004 adalah barangan dan perkhidmatan yang -
 - (i) tidak boleh ditukar kepada wang oleh pekerja walaupun ianya mempunyai nilai wang. Maksud "tidak boleh ditukar kepada wang" adalah apabila manfaat itu diberikan kepada pekerja, ianya tidak boleh dijual, diserahkan (*assigned*) atau ditukarkan (*transferred*) sama ada disebabkan oleh kontrak penggajian yang ditandatangani atau kerana jenis manfaat yang disediakan;
 - (ii) mesti untuk manfaat pekerja dan digunakan oleh pekerja secara peribadi;
 - (iii) disediakan kepada pekerja secara umum dan tidak diperuntukkan secara khas kepada pekerja dalam golongan kategori tertentu sahaja; dan
 - (iv) adalah *consumables*, produk majikan, yang mana nilainya tidak "*substantial*". Tidak "*substantial*" bermaksud jumlah nilai barangan dan perkhidmatan adalah RM200 atau kurang. Jika nilai tersebut melebihi RM200, amaun penuh nilai akan dikenakan cukai.
 - 3.2 Mana-mana manfaat yang disediakan untuk pasangan, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja akan dianggap sebagai manfaat kepada pekerja.
4. Tambahan Kedua ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 2/2004. Tambahan Kedua ini berkuat kuasa mulai dari 17 Januari 2006.

Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri, Malaysia
Tarikh: 17 Januari 2006